

# IPT Indonesia-Kuin jalin kerjasama

Usaha perkemas Kuin demi meningkatkan mutu akademik

■ ROSLINDA HASHIM

**ALOR SETAR** - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) komited dalam meningkatkan taraf dan mutu pendidikan di kolej itu apabila menjalin kerjasama pintar dengan beberapa universiti terkemuka dari negara jiran, antaranya Indonesia.

Rektornya, Prof Datuk Mohd Yusof Kasim berkata, perjanjian kerjasama merupakan antara usahasama dan perkongsian pintar dalam memperkemas serta membangunkan Kuin seterusnya meningkatkan mutu akademik khususnya dalam bidang pengajian Islam (Syariah) dan pengurusan yang menjadi teras kepada semua universiti terlibat.

"Kuin sentiasa membuka dan mencari ruang kerjasama dengan pelbagai institusi pengajian tinggi luar negara demi memajukan dan meningkatkan mutu pengajian,"



**Mohd Yusof (tengah) bersama wakil tiga universiti dari Indonesia.**

katanya.

Sebelum itu, Mohd Yusof hadir mewakili Kuin untuk

Services & Leadpreneurship Institute, Indonesia (MELI).

Uniska diwakili Prof Dr Sumarji SP dan Dr Ahsin Daoini; Universitas Tulungagung diwakili Dr Eko Sugiono dan Dr Iswhoro Widyanto; serta Tengku Syahrul Reza dan Noval Novriyansah mewakili MELI.

Tengku Syahrul Reza melahirkan rasa bangga apabila Kuin sudi menjalin kerjasama pendidikan dua negara berjiran, kerana yakin perjanjian yang dimeterai itu bakal memanfaatkan universiti-universiti terlibat.

"Saya percaya kerjasama ini akan memberi kesan yang baik kepada masyarakat umat Islam di negara masing-masing dalam masa panjang," katanya.

menandatangani perjanjian tiga Universiti Islam Kadiri (Uniska), kerjasama dengan tiga universiti, Universitas Tulungagung (Unita) terserlah dari

**HEBAHKAN**  
AKTIVITI KOMUNITI ANDA